

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 23 MAC 2015 [ISNIN]

SOALAN : Puan Teresa Kok Suh Sim minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sebab berlakunya kekurangan bekalan ayam belanda semasa musim Krismas 2014 dan kenapakah hanya ayam belanda halal diimport, memandangkan kebanyakan pembeli adalah orang bukan Islam. Senaraikan syarikat pembekal yang dibenarkan mengeksport ayam belanda ke Malaysia pada tahun 2014 dan 2015.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kekurangan bekalan ayam belanda pada musim Krismas 2014 berlaku adalah disebabkan oleh kekurangan sumber bekalan ayam belanda halal dari negara sumber. Keperluan HALAL disyaratkan di dalam pengimportan daging termasuk ayam belanda. Ianya tidak hanya dari sudut sembelihan, tetapi juga dari segi

keselamatan makanan dan kebersihan di sepanjang rantai pengimportan untuk pengguna dalam negara. Walaupun kebanyakan pembeli adalah terdiri dari pengguna bukan Islam, keperluan HALAL turut disyaratkan bagi mengelakkan kekeliruan kepada pengguna Islam di Malaysia memandangkan ayam belanda ini turut diedarkan oleh pengimport di dalam negara ke pasaran-pasaran seperti hotel dan restoran.

Pengimportan dan kelulusan pengimportan ayam belanda adalah tertakluk kepada:

- (i) bilangan permohonan yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar;
- (ii) negara sumber yang dibenarkan yang bebas dari penyakit; dan
- (iii) negara yang mempunyai loji pemprosesan ayam belanda yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia.

Pada tahun 2014, terdapat dua (2) loji pemprosesan ayam belanda iaitu di Brazil dan Amerika Syarikat (USA) masing-masingnya yang diluluskan untuk mengeksport ayam belanda ke Malaysia. Sementara itu, terdapat dua lagi loji pemprosesan ayam belanda di Australia dan Belgium telah digugurkan kebenaran status eksport kerana gagal mematuhi standard/piawaian halal negara. Pada tahun 2014 dan 2015, terdapat dua (2) syarikat yang dibenarkan mengeksport ayam belanda ke Malaysia iaitu *Seara Alimentos LTDA* dari Brazil dan *Syarikat Turkey Valley Farm* dari USA.